

Motor

Motor menukarkan tenaga elektrik kepada tenaga kinetik untuk menghasilkan pergerakan.

Fungsi Motor akan dihubungkan dengan komponen mekanikal lain. Contohnya, takal dan tali sawat untuk memusingkan dram mesin basuh.

Panel kawalan

Panel kawalan terdiri daripada papan litar yang dipasang dengan komponen-komponen elektronik kepada mikropengawal.

Fungsi Panel kawalan mengawal keseluruhan sistem elektromekanikal. Contohnya, mengawal kelajuan putaran dram mesin basuh.

Sensor

Sensor ialah peranti yang dapat mengesan perubahan persekitaran seperti cahaya, haba, tekanan, kelembapan dan sebagainya.

Fungsi Sensor akan mengesan perubahan dan menghantar isyarat elektrik kepada panel kawalan untuk tindakan selanjutnya. Contohnya, apabila sensor mengesan ketidakstabilan putaran dram mesin basuh, dram tersebut akan berhenti berputar.

Takal

Takal ialah roda yang mempunyai alur rim yang sesuai dipasang dengan tali atau rantai padanya.

Fungsi Takal berfungsi untuk menggerakkan sesuatu objek seperti memutar dram mesin basuh setelah dihubungkan dengan motor menggunakan tali sawat.

Plag 3 pin

Plag 3 pin terdiri daripada tiga terminal, iaitu hidup (L), neutral (N) dan bumi (E).

Fungsi Plag 3 pin menyambungkan perkakasan elektrik kepada bekalan kuasa elektrik. Kebanyakan perkakasan elektrik di rumah menggunakan plag 3 pin. Contohnya, peti sejuk dan mesin basuh.

KOMPONEN	NAMA DAN FUNGSI
	
	
	
	
	